

MAHATHIR - PERDAGANGAN

SHAH ALAM, 7 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA MAHU IA DIBERI PELUANG UNTUK MENGANJURKAN PESTA-PESTA PERDAGANGAN DUNIA ATAU +WORLD FAIR+ YANG SETARAF DENGAN YANG DIADAKAN DI NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT DAN OSAKA, JEPUN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MERASMIKAN PESTA ANTARABANGSA SHAH ALAM 1990, DI SINI MALAM INI BERKATA, MALAYSIA TELAH MENCAPI KEMAJUAN CEMERLANG DALAM BIDANG PENGANJURAN PESTA-PESTA PERDAGANGAN.

PESTA PERDAGANGAN SHAH ALAM, YANG PERTAMA KALI DIADAKAN PADA TAHUN 1988, ADALAH BUKTI KEJAYAAN MALAYSIA DALAM BIDANG BERKENAAN, KATANYA.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU YAKIN MALAYSIA BERSEDIA MENJADI TUAN RUMAH BAGI PESTA-PESTA SEUMPAMA ITU DALAM MASA BEBERAPA TAHUN LAGI.

SEBANYAK 80 PESERTA PAMERAN DARIPADA 18 BUAH NEGARA MENYERTAI PESTA KALI INI BERBANDING DENGAN HANYA TIGA BUAH NEGARA DUA TAHUN LEPAS.

NEGERA-NEGERA ITU TERMASUK LIBYA, EMIRIYAH ARAB BERSATU, PAKISTAN, INDIA, THAILAND, FILIPINA, SINGAPURA, INDONESIA, JEPUN, TAIWAN, KOREA SELATAN, MAURITIUS, PERANCIS, SWEDEN DAN CHILE. -- LAGI
2343MST 07 07 90

D468

R B234 AAB

MAHATHIR - PERDAGANGAN 2 SHAH ALAM

PERDANA MENTERI BERHARAP PESTA DI SHAH ALAM AKAN MEMBUKA LANGKAH KE ARAH BAGI MENGADAKAN +WORLD FAIR+ DI MALAYSIA.

+WALAUPUN KITA BELUM SAMPAI TAHAP PEMBANGUNAN UNTUK MENJADI TUAN RUMAH BAGI +WORLD FAIR+, INSYAALLAH DENGAN PENINGKATAN TAHAP PENGANJURAN EKSPLO, PADA SUATU HARI NANTI KITA AKAN MENJADI TUAN RUMAH KEPADA (EKSPLO) YANG SETARAF DENGAN YANG DIADAKAN DI NEW YORK DAN OSAKA,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP SEBELUM TAHAP ITU DICAPAI, EKSPLO-EKSPLO DI NEGARA INI AKAN DISERTAI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI YANG MENYERTAI PESTA-PESTA PERDAGANGAN DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN RASA BANGGANYA TERHADAP KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH SHAH ALAM KHUSUSNYA DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN.

KATANYA, KEMAJUAN DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN ITU TELAH DICAPAI MELALUI PENGURUSAN YANG CEKAP KHUSUSNYA DALAM URUSAN BERHUBUNG PEMBINAAN INDUSTRI DAN PEMILIKAN TANAH. -- LAGI
0008MST 08 07 90

D469

R B235 AAB

MAHATHIR - PERDAGANGAN 3 SHAH ALAM

BELIAU BERHARAP SIKAP BERKENAAN AKAN DICONTOHI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN YANG LAIN BAGI MENINGKATKAN PELABURAN DI MALAYSIA.

SEMASA MELAWAT KE GERAI-GERAI PAMERAN PADA PESTA ITU, PERDANA MENTERI JUGA MELANCARKAN PROTON LIMOUSINE BAGI TUJUAN KOMERSIL.

HARGA PASARAN BAGI LIMOUSINE BERKENAAN IALAH \$69,800 SEBUAH. KAUNTER PAMERAN DI SITU JUGA MENERIMA TEMPAHAN DARIPADA ORANG RAMAI BAGI LIMOUSINE BERKENAAN.

PESTA ITU AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA 22 JULAI. -- BERNAMA